

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 MAY 2016

Dr M dendam terhadap Najib

BH-18/5/2016

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

wananwar@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa pengundi Sungai Besar dan Kuala Kangsar menolak Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) 18 Jun depan adalah manifestasi jelas dendam beliau terhadap Datuk Seri Najib Razak.

Malah, seruan bekas Presiden UMNO itu supaya pembangkang bersatu dengan meletakkan satu calon sahaja untuk mengalahkan BN menunjukkan Dr Mahathir su-

dah hilang pertimbangan politik serta maruah diri.

Dedah peribadi sebenar

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa bagaimanapun berkata, apa yang dilakukan Dr Mahathir itu adalah 'rahmat' dari Ilahi untuk mendedahkan peribadi sebenarnya, sekali gus membolehkan rakyat membuat penilaian.

"Tindakan ini juga memudahkan ahli parti mengikis rasa kekok dan serba salah terhadap Dr Mahathir, sekali gus membakar semangat untuk lebih yakin berdepan dengannya dan mempertahankan parti serta kepemimpinan Najib," katanya.

Annuar berkata, tindak tanduk Dr Mahathir itu menjadi satu ujian bagi melihat sejauh mana 'perisytiharan dirinya sebagai pemimpin' diterima pembangkang selepasnya ditolak dan tidak dipedulikan UMNO dan BN.

Tindakan seperti 'bunuh' anak sendiri

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek menyifatkan kenyataan Dr Mahathir sebagai tindakan seorang bapa yang mahu anaknya 'dibunuh' orang lain.

Beliau berkata, perkara berkenaan bukanlah sesuatu yang wajar dilakukan oleh bekas Perdana Menteri yang diangkat oleh BN dan

UMNO sendiri.

"Saya kecewa dengan beliau (Dr Mahathir). Beliau benar-benar keseorangan sehingga sanggup 'membunuh' anak yang dilahirkan dan dibesarkan sendiri," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau yakin peluang BN dalam kedua-dua PRK itu tidak terjejas dengan kenyataan Dr Mahathir.

Sabtu lalu, Dr Mahathir dilaporkan berkata beliau berharap BN akan dikalahkan dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar, ketika berucap dalam Majlis Bersama Pemimpin Selamatkan Malaysia di Shah Alam.